



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN AWAM AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PEMBUKAAN PERMOHONAN LESEN TERMINAL (STESEN & PUSAT PENGANGKUTAN) DAN PENDAFTARAN PROFILING SYARIKAT MELALUI SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (I-SPKP) BERMULA PADA 22 APRIL 2024 (ISNIN)

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin memaklumkan kepada pelanggan kami **PERMOHONAN LESEN TERMINAL (STESEN & PUSAT PENGANGKUTAN) TELAH DIBUKA PADA 22 APRIL 2024 (ISNIN) DAN PERMOHONAN INI BOLEH DIBUAT MELALUI SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (ISPKP).**

Bermula tahun ini, APAD akan membuka permohonan pelesenan terminal dengan memberi keutamaan kepada Terminal Negeri dan Terminal CTS utama terlebih dahulu dan terminal-terminal lain akan dilesenkan secara berperingkat bermula tahun 2025 melalui satu surat pemberitahuan oleh APAD yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, APAD menyeru kepada semua pemilik atau pihak yang mengendalikan terminal (Stesen dan Pusat Pengangkutan) agar membuat pendaftaran profiling syarikat di dalam Sistem iSPKP APAD dengan kadar segera sebelum membuat permohonan pelesenan.

Sila layari portal rasmi iSPKP iaitu <https://portal.ispkp.gov.my/> untuk mendaftar. Panduan dan dokumen berkaitan juga boleh didapati melalui pautan https://www.apad.gov.my/sumber-maklumat1/garis_panduan/terminal-bas-ekspres?.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila panjangkan ke pertanyaan_ispkp@apad.gov.my.

Sekian, harap maklum.

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
23 April 2024

-TAMAT-

Pertanyaan

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

www.apad.gov.my